



## FOTO

### Sesi Konsultasi #Bajet2022 bersama Wakil-Wakil Industri Insurans dan Takaful

FOTO | 29 SEPTEMBER 2021



COVID-19 telah menyerlahkan lagi pentingnya keselamatan sosial bagi golongan berpendapatan rendah dalam masyarakat kita. Memandangkan penyertaan insurans yang rendah di kalangan kumpulan B40 dan di dalam semangat [#KeluargaMalaysia](#), subsidi Kerajaan untuk perlindungan insurans dan takaful adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial untuk B40. Ini merupakan langkah awal ke arah penambahbaikan jaringan sosial, yang akan diperhalusi oleh Kerajaan melalui Belanjawan 2022 dan sebagai salah satu komponen program PERKUKUH Pelaburan Rakyat.

**YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz**, Menteri Kewangan telah berkesempatan mengadakan sesi konsultasi #Bajet2022 secara maya bersama wakil-wakil industri insurans dan takaful untuk berbincang mengenai input [#Bajet2022](#), khususnya dalam topik keselamatan sosial. Seperti yang kita semua maklum, keselamatan sosial adalah benteng pertahanan utama dalam menjamin kelangsungan hidup, terutamanya bagi golongan B40.

Bermula 30 September 2021, sebanyak 3.6 juta golongan isi rumah B40 boleh mula menyemak status kelayakan mereka untuk Baucar Perlindungan Tenang bernilai RM50, sebuah inisiatif di bawah [#Belanjawan2021](#) yang menyediakan pelan perlindungan mampu milik untuk golongan B40.

Di bawah inisiatif ini, penerima yang layak boleh menggunakan Baucar Perlindungan Tenang untuk melanggan pelbagai jenis pelan perlindungan yang meliputi kematian, kemalangan kerosakan harta benda dan lain-lain.



## Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)



### PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik  
Dengan kerjasama

\*Tertakluk pada terma & syarat

- Program Baucar Perlindungan Tenang adalah skim bantuan kewangan di mana baucar RM50 diberi kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang layak bagi membantu mereka membeli produk Perlindungan Tenang daripada syarikat insurans dan pengendali takaful berlesen.
- Program Baucar Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan sosial kepada penerima BPR yang layak di negara ini.

\*Tertakluk pada terma & syarat

## Apa itu Perlindungan Tenang?



Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Perlindungan Tenang adalah sebuah inisiatif oleh industri insurans dan takaful yang menyediakan produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan segmen yang masih tidak dilindungi, terutamanya golongan B40.

Perlindungan Tenang merangkumi produk-produk yang memenuhi kriteria seperti berikut:

### Mampu

- Premium / Sumbangan dari banyu beberapa ringgit setiap bulan





- Premium / Sumbangan dan hanya beberapa ringgit setiap bulan.
- Pelan boleh diperbaharui setiap tahun.



### Mudah

- Senang untuk difahami
- Bayaran sekaligus kepada penama apabila berlaku kematian / kemalangan / kerosakan harta benda



### Mudah untuk dibeli / sertai

- Dapatkan terus secara dalam talian atau daripada syarikat insurans / pengendali Takaful, ejen atau pengedar yang sah.
- Juga boleh didapati di cawangan bank terpilih, syarikat pengendali telefon mudah alih dan pejabat pos.



### Proses tuntutan yang mudah

- Tuntutan yang disertakan dokumen yang lengkap akan dibayar dalam tempoh lima (5) hari bekerja (untuk tuntutan kematian) dan tujuh (7) hari bekerja (untuk tuntutan bukan kematian).

\*Tertakluk pada terma & syarat

## Bagaimana anda boleh menyemak kelayakan dan menebus PTV?



Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

### Semakan Kelayakan



### Beli Perlindungan Tenang dan Menebus Baucar



\*Tertakluk pada terma & syarat

## Apakah terma dan syarat untuk Program Baucar Perlindungan Tenang?

PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik



Layak untuk penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) sahaja.



SATU baucar hanya boleh digunakan untuk membeli/menyertai SATU polisi sahaja. Sekiranya harga produk yang dibeli kurang dari RM50, baki tidak akan dipulangkan dan sekiranya harga produk lebih dari RM50, penerima perlu membayar lebihan harga.



Pulangan tunai atau pembayaran balik secara tunai tidak dibenarkan.



Baucar hanya boleh digunakan untuk polisi / sijil baharu memperbaharui polisi / sijil (Tarikh kuatkuasa berdasarkan tarikh program PTV). Baucar tidak boleh digunakan untuk polisi/sijil sedia ada.

\*Tertakluk pada terma & syarat

PROGRAM BAUCAR RM50

PERLINDUNGAN  
*tenang*  
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Dengan kerjasama



\*Tertakluk pada terma & syarat



Semakan Kelayakan dan Penebusan Baucar PTV di :

[www.myPTV.my](http://www.myPTV.my)

Maklumat lanjut mengenai produk-produk Perlindungan Tenang di :

[www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my)

Pusat Panggilan PTV (Isnin – Jumaat, 8am- 6pm sahaja)

03-7723 9333

Baucar ini tidak boleh dipulangkan atau ditukarkan kepada wang tunai secara sebahagian atau penuh.  
Baucar PTV perlu digunakan dalam masa Program Baucar Perlindungan Tenang bermula dari  
30 September 2021 sehingga 30 September 2022.

Beliau berharap agar mereka yang layak akan menggunakan inisiatif ini sebaik mungkin untuk melindungi diri dan keluarga tercinta. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari di laman sesawang [www.myptv.my](http://www.myptv.my) dan [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my) atau boleh menghubungi Pusat Panggilan Program Baucar Perlindungan Tenang di talian 03 7723 9333.

[Tengku Zafrul](#)

[Covid-19](#)

[Belanjawan 2021](#)

[PERKUKUH](#)

[Belanjawan 2022](#)

[Konsultasi Bajet 2022](#)

[Keluarga Malaysia](#)

[Takaful](#)

[Insurans](#)

[Siaran Media](#)

[Bajet 2023](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

[Laporan LAKSANA](#)

[Tender](#)

## POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[LAKSANA REPORT](#)

[TENGGU ZAFRUL](#)

[BAJET 2023](#)

[PEMERKASAAN PERNIAGAAN](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[LAPORAN KEWANGAN RAKYAT](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[ESG](#)

[KERTAS KONSULTASI AWAM](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[COVID-19](#)

## Arkib Foto

[Seterusnya →](#)

Copyright © 2022 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Portal myGov](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan  
Peta Laman](#)

[Penafian  
Bantuan](#)